

Eksport produk kayu disasar RM25 bilion

KUALA LUMPUR 25 Ogos - Eksport produk berasaskan kayu Malaysia dijangka melebihi RM25 bilion menjelang 2020, seiring dengan pencapaian kemajuan teknologi automasi, inovasi dan pembabitan penggiat industri berkaitan kayu dalam platform e-dagang.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, sasaran yang ditetapkan itu akan membolehkan kalangan penggubal dasar dan penggiat industri membentuk serta melaksanakan perancangan rapi dalam masa tiga tahun ini tanpa mengetepikan pihak berkepentingan dalam industri hulu dan hiliran.

"Kita telah bersetuju bahawa ini merupakan sasaran realistik. Bagi mengukuhkan industri itu, Jawatankuasa Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) akan dirombak untuk memastikan kesemua isu dan cabaran

dapat ditangani dan diselesaikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan penutup pada mesyuarat Makmal NATIP selama dua hari di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Siew Keong berkata, jawatankuasa itu akan dipengerusi oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk K. Yogeeshwaran.

Menyentuh aspek e-dagang, beliau berkata, 200 syarikat berasaskan kayu dalam perniagaan hulu dan hiliran, dijangka menyertai platform *AliBaba.com* dan menyasarkan eksport ke negara yang menjalin perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Malaysia.

"Ini merupakan antara strategi pemasaran kita dan diharapkan lebih ramai kakitangan berkemahiran dengan pengetahuan dan inovasi yang tepat dapat merencanakan lagi industri ini." katanya. - **BERNAMA**



MAH SIEW KEONG